



ISTIADAT MENGANGKAT SUMPAAH HAKIM BESAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat mengangkat sumpah bagi Tuan Hakim Besar Negeri Brunei, Yang Berhormat Justice Sir Geoffrey Gould Briggs telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lepas.

Y.B. Sir Geoffrey Gould Briggs mengangkat sumpah di-hadapan D.Y.M.M. (gambar kiri) sementara gambar kanan D.Y.M.M. menganugerahkan Bintang Kebesaran D.S.N.B. kepada Tuan Hakim Besar.

Istiadat tersebut telah dilangsungkan di-hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan di-saksikan oleh pembesar2 negara.

Surat lantikan telah di-bacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Hj. Rajid.

Di-istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei — Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. kepada Yang Berhormat Tuan Hakim Besar itu.

Dengan penganugerahan Bintang Kebesaran itu, membawakan gelaran Dato Setia kepada Sir Geoffrey Gould Briggs.

(Lihat muka 8)

Lawatan D.Y.M.M. ka-kampong2 di-Daerah Tutong

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Tutong pada hari Khamis lalu untuk melawat ka-lima buah kampong di-Ulu Tutong.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah berangkat dengan menaiki pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei.

Turut serta dalam rombongan Duli Yang Maha Mulia itu ialah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pemenan AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney; Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu; Pemenan Pulis Daerah, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar; Pengiran Datu Penghulu Major Pengiran Dato Setia Ibnu; Major Christopher Hembury dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Hj. Jaafar.

(Lihat muka 8)

K'jaan memberi keistimewaan terhadap kemajuan pelajaran

GADONG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan terus memberikan satu kedudukan istimewa mengenai rancangan kemajuan pelajaran di-negeri ini.

Bersabda di-Majlis Penyampai-an Sijil kepada 286 orang guru yang telah tamat lathan perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada hari Sabtu lalu, Yang Amat Mulia menyatakan bahawa Yang Amat Mulia senantiasa mengikuti perkembangan2 pelajaran bagi faedah raayat dan penduduk di-negeri ini yang di-laksanakan dan sepono-nya di-tanggung perbelanjaannya oleh Kerajaan.

Yang Amat Mulia bersabda, kejayaan pada mendapatkan sijil ka-arrah mempupuskan keperluan perguruan di-negeri ini hanya-lah merupakan satu aspek yang kecil dalam perkembangan pelajaran di-Brunei.

Sebenarnya, tegas Yang Amat Mulia itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah dan insha Allah akan terus memberikan satu kedudukan khas, istimewa mengenai rancangan2 kemajuan pelaj-

ajaran demi untuk melengkapkan lagi raayat dan penduduk negeri ini dalam hal pelajaran supaya raayat negeri ini akan dapat berhidup pada memberikan peranan sa-bagai raayat Brunei yang ta'at (Lihat muka 8)

Majlis keshukoran di-sana sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan raayat negeri ini terhadap meluaran sa-orang putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sangat2 di-alu2kan dengan keshukoran.

Bukan sahaja semasa Istiadat Berjaga2, berbagai2 persembahan di-adakan di-Taman Istana Darul Hana oleh raayat dan penduduk negeri ini — tetapi juga sa-lepas Istiadat Gendang Jaga2 itu di-tutup, sambutan maseh di-adakan.

Pada petang hari Khamis lalu, sa-lepas waktu bekerja, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan Majlis Berzanji untuk bershukur kepada Allah di atas pengorniaan sa-orang putera kepada Baginda itu.

Majlis itu telah di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

Satu majlis berzikir kerana keshukoran selamat meluaran sa-orang putera bagi Baginda berdua

juga telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada minggu lalu.

Majlis keshukoran itu di-anjurkan oleh Pegawai2 Jabatan Hal Ehwah Ugama dan Pehin2 terdiri dari pegawai2 Mesjid Omar Ali Saifuddin yang di-ketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwah Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Majlis tersebut telah di-hadhiri oleh ramai pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwah Ugama dan Pehin2 pegawai2 mesjid.

Sementara itu, Pegawai2 dari Jabatan2 Kerajaan Daerah Tutong dan penduduk2 di-Pekan Tutong yang di-ketuai oleh Pegawai Daerah Tutong, Ag. Abdullah bin Hj. Jaafar juga telah mengadakan majlis yang sama di-Mesjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong pada minggu lalu.

DENGAN terbentuknya Majlis Pelajaran yang di-asaskan dari Laporan Suhoanajaya Pelajaran 1972, maka banyak perubahan akan berlaku terhadap sistem pendidikan di-Brunei menjelang tahun2 berikut-nya.

Satu daripada perubahan2 itu ia-lah struktur susunan pentadbiran di-Jabatan Pelajaran terutama sekali di-Ibu Pejabatnya di-Bandar Seri Begawan.

Dasar2 yang terkandung dalam Majlis Pelajaran di-antara-nya ia-lah untuk memperbaiki sistem pendidikan dan pengajaran di-semua sekolah2 dalam negeri dan dengan yang demikian beberapa bidang kuasa pentadbiran di-Jabatan Pelajaran telah di-pecahkan untuk melaksanakan perubahan2 yang telah di-chadangkan itu.

Perubahan struktur pentadbiran di-Jabatan Pelajaran bukan-lah semata2 untuk membuat perubahan saja akan tetapi ia-lah bertujuan untuk melicinkan lagi sistem pentadbiran, menggelakkan gandaan kerja yang banyak di-antara bahagian2, mengurangkan kelambatan2 yang tidak semesti-nya terdapat, mengurangkan surat menyurat yang tidak mustahak dan juga bertujuan supaya dapat menghasilkan mutu pelajaran negeri ini ka-peringkat yang baik.

Dengan ada-nya beberapa perubahan terhadap struktur susunan pentadbiran di-Jabatan Pelajaran itu sudah tentu akan mengalami sedikit kesulitan dan kerumitan yang dihadapi oleh Pengetua2, Guru2 Besar dan Guru2, tetapi perkara itu akan lenyap jika mereka bersama2 bertanggung-jawab mengatasi keadaan demikian bagi kebaikan untuk semua.

Sa-bagaimana terdapat dalam Laporan Suhoanajaya Pelajaran 1972, maka jawatan2 Penguasa Pelajaran Inggeris dan Penguasa Pelajaran Melayu telah di-tiadakan dan digantikan kepada jawatan2 Penguasa Pelajaran Rendah dan Penguasa Pelajaran Menengah.

Penguasa Pelajaran Menengah sekarang ia-lah Awg. Abd. Razak bin Mohammad dan Penolong Penguasa Pelajaran Menengah Awg. Abd. Jalil bin Abd. Rahman sa-bagai Pemangku.

Penguasa Pelajaran Rendah ia-lah Awang P.C. Adamson dan Penolong Penguasa Pelajaran Rendah Awang Md. Sum bin Hashim.

Dengan perubahan ini Pengetua2, Guru2 Besar, Penyelia2 terutama sekali bagi Maktab2 dan Sekolah2 yang di-bawah kelolaan Penguasa Pelajaran Melayu dahulu adalah di-arahkan mengalamatkan surat-menyurat mereka kepada Penguasa masing2 mengikut taraf sekolah dan maktab itu.

Perubahan ini juga melibatkan kedudukan nadzir yang

Perubahan struktur pentadbiran di-Jabatan Pelajaran Brunei

Oleh: Abd. Rahim Walli

mana telah di-asingkan dari kelolaan Pengarah Pelajaran kepada kelolaan Nadzir Negara Sekolah2. Dengan demikian jawatan Nadzir Bahagian Sekolah2 telah di-tukar kepada jawatan Nadzir Sekolah2 Daerah yang juga akan terus bertindak sa-bagai Badan Kenadziran Bebas.

Semua nadzir itu sekarang di-bawah kelolaan Nadzir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris.

Berikut ini ia-lah tugas2 nadzir tersebut. Awang Roderick Yong sa-bagai Nadzir Khas Pelajaran yang bertugas sa-bagai Nadzir Khas Pelajaran Sastera. Awang Abd. Hamid bin Haji Jalil juga Nadzir Khas Pelajaran bertugas sa-bagai Nadzir Khas Pelajaran China.

Nadzir Sekolah2 Daerah ia-lah Awang Haji Md. Hashim bin Hj. Md. Tahir, di-pinjamkan untuk bertugas di-bahagian pentadbiran Jabatan Pelajaran.

Awang Haji Md. Yassin bin Hj. Metassim sa-bagai Nadzir Kanan Sekolah2 Daerah. Awang Haji Sabtu bin Muhammad, Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei I yang mengawasi 10 buah sekolah2 rendah dan 4 buah sekolah2 menengah. Awang Haji Mohsin bin Pengiran Damit, Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei II yang mengawasi 27 buah sekolah2 rendah dan 4 buah sekolah2 menengah.

Awang Haji Ludin bin Hashim Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei III yang mengawasi 22 buah sekolah2 rendah. Awang Haji Md. Taha bin Abd. Rahman, Nadzir Sekolah2 Daerah Belait yang mengawasi 14 buah sekolah2 rendah dan 5 buah sekolah2 menengah. Awg. Hj. Md. Yusof bin Tahir, Nadzir Sekolah2 Daerah Tutong I yang mengawasi 17 buah sekolah2 rendah dan 2 buah sekolah menengah. Awang Hj. Abdullah bin PHA. Bakar, Nadzir Sekolah2 Daerah Tutong II yang mengawasi 14 buah sekolah2 rendah. Awang Muhammad bin Haji Jaafar Nadzir, sekolah2 Daerah Temburong yang mengawasi 15

buah sekolah2 rendah dan sa-buah sekolah menengah.

Awang Shahbudin bin Saleh, Nadzir Sekolah2 Daerah yang bertugas di-Ibu Pejabat Kenadziran mempunyai tugas2 khas. Awang Wong Siew Ming, Nadzir Sekolah2 Daerah bagi Sekolah2 bukan Kerajaan (Sekolah2 China, Misi dan Persendirian).

Awang Abdullah bin Ali Hashim di-pinjamkan untuk bertugas di-bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran dan Awang Abu Bakar bin Md. Salleh di-pinjamkan untuk bertugas di-bahagian Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran.

Penetapan tugas2 nadzir itu telah pun di-mulai pada lhb. Januari tahun ini.

Di-antara tugas2 Nadzir Sekolah2 Daerah termasuklah melawat dan memeriksa sekolah2 dalam daerah yang ditentukan sa-bagai kawasan pengawasaannya mengenai semua aspek persekolahan dan pengajaran, baik di-sekolah2 rendah mahu pun di-sekolah2 menengah Kerajaan atau bukan Kerajaan.

Tugas2 itu antara lain akan di-tumpukan untuk memeriksa bangunan sekolah, asrama dan rumah2 guru. Perkakas dan peralatan sekolah, termasuk buku2 teks, khutub-khanah, buku rujukan, kerusi meja, alat pandang-dengar dan lain2.

Mereka juga akan memeriksa perbekalan makanan, masakan dan minuman murid2 serta guru2.

Menjalankan penyelidekan bagaimana guru2 mengajar di-dalam bilek2 darjah, menyiasat bagaimana kaki-tangan bekerja, kedatangan mereka dan melaporkan masaalah2 yang di-hadapi mereka dan lain2 lagi.

Kebersihan dan kesihatan murid2, masaalah2 yang mereka hadapi baik dari segi pelajaran mahu pun dari segi personal ada-lah juga merupakan bahan kajian yang akan di-buat laporan oleh Nadzir2 itu.

Pemereksaan Nadzir Sekolah2 Daerah itu juga akan terus menjalankan penyiasatan dari satu masa ka-satu masa terhadap pengkajian chara2 guru mengajar, kaedah yang di-gunakan, pengetahuan murid2, memeriksa buku perediaan mengajar, sukatan pelajaran, jadual waktu dan aktiviti2 di-luar darjah.

Sementara Nadzir Khas Pelajaran mempunyai tugas yang berasingan, mereka sa-chara langsung akan memeriksa dan menjalankan penyiasatan kepada semua sekolah2 dalam negeri baik sekolah2 Kerajaan mahu pun sekolah2 bukan Kerajaan termasuklah tadika, rendah, menengah dan lanjut-an.

Nadzir Kanan Sekolah2 Daerah ada-lah sa-bagai ketua kepada semua Nadzir Sekolah2 Daerah yang mana beliau telah di-beri mandat untuk membantu Nadzir Negara Sekolah2 dalam semua bidang urusan pentadbiran termasuk menganalisa dan mengkaji laporan2 yang di-buat dan disediakan oleh Nadzir Sekolah2 Daerah dan sintesis laporan2 itu di-kemukakan kepada Majlis Pelajaran.

Ada juga di-antara Nadzir Sekolah2 Daerah itu di-tempatkan di-Ibu Pejabat Kenadziran tanpa pengawasan yang tertentu dan mereka ini khusus bertugas membantu Nadzir Kanan Sekolah2 dan juga sa-bagai pengganti kepada Nadzir2 yang lain yang tidak dapat menjalankan tugas mereka di-sebabkan berchuti atau lain2 hal.

Badan Kenadziran Bebas yang juga terdiri dari Nadzir2 Daerah telah menjalankan pemereksaan mereka ka-Sekolah2 Menengah ia-itu di-Maktab SOAS Junior, dan Senior, Sekolah Inggeris Sufri Bolkih Tutong, Maktab Anthony Abell Seria dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-Kuala Belait.

Badan Kenadziran Bebas ditubuhkan bertujuan untuk mengekalkan taraf pelajaran di-semua sekolah2 dan mengawal serta mengawasi kemajuan pelaksanaan rancangan pelajaran dalam negeri dan tidak kurang juga mengkaji kemundoran dan kemerosotan.

Dalam perubahan baru di-Jabatan Pelajaran itu juga telah melibatkan satu pembentokan struktur pentadbiran yang di-beri nama Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan yang di-ketuai oleh Awang Ahmad bin Haji Jusmaah yang juga sa-laku Setia Usaha kepada Majlis Pelajaran.

ALLAH Subhanahu-Wataala di-dalam beberapa ayat Al-Quran telah menerangkan faedah2 dan kegunaan binatang ternakan seperti firman-nya di-dalam Surat An-Nahli ayat 5 hingga 8 yang bermaksud:

“Di-jadikan-nya binatang2 untuk kamu, daripada-nya kamu mendapat pakaian panas dan beberapa munafaat yang lain dan sa-bahagian-nya kamu makan daging-nya. Dan pada-nya kamu mendapat kegembiraan ketika kamu membawa-nya kekadang dan ketika melepaskan-nya. Binatang itu membawa be-banan kamu ka-negeri yang kamu tiada dapat sampai kapada-nya melainkan dengan bersusah payah. Sesungguh-nya Tuhan kamu maha penyantun dan maha penyayang”.

Yang demikian memelihara binatang ternakan ada-lah satu mata pencharian yang banyak munafaat-nya. Dengan mengusahakan ternakan kita telah memperbanyakkan bahan makanan yang berguna bagi kesihatan dan kekuatan badan, terutama daging dan susu. Juga menambah tenaga yang berguna untuk keperluan pertanian dan pengangkutan, bahkan hingga najis sa-bahagian dari binatang ternakan itu dapat di-pergunakan untuk baja tanam2an dan kulit-nya dapat pula di-pergunakan untuk berbagai2 keperluan seperti kasut, tali pinggang, beg dan lain2 lagi.

Ternakan itu sa-lain daripada ternakan haiwan, termasuk pula ternakan ayam, itek, angsa, burung merpati dan lain2 untuk keperluan daging dan telur. Bahkan dapat pula kita gulongkan sa-umpama usaha2 memelihara ikan ayer tawar seperti yang di-usahakan oleh Jabatan Perikanan Negeri ini.

Semua-nya itu ada-lah merupakan usaha2 yang sangat di-galakkan dan bukan suatu pekerjaan yang hina atau rendah darjat-nya di-sisi Ugama Islam, kerana pekerjaan berternak itu ada-lah pekerjaan sa-bahagian Nabi2 dan Rasul2 Allah sa-umpama Nabi Musa

Lawatan muhibbah ka-Sek. China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 250 orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hasanah Bolkiyah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lalu.

Rombongan itu di-ketuai oleh Penolong Pengetua sekolah tersebut, Awang Mokti bin Mohamed Daud dan disertai oleh 15 orang guru. (Lihat muka 7)

Berternak satu mata pencharian yg banyak memberi munafaat



KHUTBAH JUMA'AT

Memelihara binatang ternakan bukan suatu pekerjaan yang hina atau rendah darjat-nya di-sisi Ugama Islam

Alaiwassalam dan Nabi Muhammad s.a.w. Lebih dari itu kita umat Islam ada-lah di-galakkan supaya menyembelih binatang korban sa-tiap menjelang hari Raya Haji dan jika kita perhatikan sa-chara mendalam, galakkan tersebut ada-lah merupakan syarat atau perintah yang halus supaya kita memajukan ternakan.

Di-negeri2 barat seperti Amerika dan di-Eropah dan juga di-timor seperti Australia, penternak2 ada-lah termasuk golongan masyarakat yang kaya raya dan mewah kerana mereka mengusahakan ternakan itu sa-chara besar2an dan bersungguh2 di-bantu pula dengan ilmu pengetahuan dan teknik yang baru mengenai pemeliharaan dan pembiakan haiwan serta sistem pengolahan dan pemasaran yang terator.

Kita perchaya Jabatan Pertanian Bahagian Klinik Haiwan di-negeri ini telah pun mengurak langkah ka-arrah memusatkan perkhidmatan bagi maksud memajukan dan meninggikan taraf ternakan. Kita di-fahamkan beberapa kemudahan telah pun di-sediakan untuk peladang2 dan penternak2, di-antara-nya beberapa rawatan perubatan haiwan, bantuan ternakan, bantuan harga separoh pagar berdur untuk ladang ternakan dan sebagai-nya. Maka peluang2 yang baik seperti ini patut sangat-lah di-ambil oleh peladang2 negeri ini demi untuk memajukan lagi usaha2 dalam bidang ternakan. Usaha2 ka-arrah ini patut-lah di-kerjakan dengan sa-chara besar2an dan bersungguh2 oleh sa-bahagian raayat dan penduduk negeri ini bagi mempesatkan kemampuan kita untuk bergantung kapada usaha2 kita sendiri.

Sa-lagi kita berpelok tuboh dan tidak mau berusaha bagi memajukan bidang ternakan,

maka sa-lama itu-lah sa-bahagian besar keperluan kita kapada daging, susu, telur dan sebagai-nya bergantung kapada luar negeri yang mana harga-nya senantiasa terdedah kapada tekanan perubahan2 yang memberatkan kita.

PEMBETULAN

BEBERAPA kesilapan yang tidak di-senhajikan telah terdapat dalam kandungan khutbah Jumaat yang di-siarkan di-muka 3 dalam akhbar ini pada minggu lalu.

Perkataan **matalamat** dalam para yang pertama di-baris empat sepatut-nya **muamalat** dan perkataan **di-perketatkan** yang terdapat di-baris lapan dalam para yang sama sepatut-nya **di-praktikkan**.

Perkataan **menghilangkan** yang terdapat dalam ruangan kedua, baris kesepuluh sepatut-nya **mengelakkan**.

Para yang terakhir dalam khutbah itu hendak-lah di-bacha:

..... dan membuktikan ke- imanan masing2 dengan amal perbuatan tidak hanya mengaku beriman sedangkan amal perbuatan tidak terbukti dalam kenyataan.

KETUA RUMAH PANJANG MEMELOK UGAMA ISLAM

TEMBURONG. — Sa-orang Ketua Rumah Panjang Awang Usup Anak Bada bersama isteri dan sa-orang chuchu-nya telah memelok Ugama Islam pada 5hb. Mach, 1974 di-Rumah Panjang Kampong Sumbiling, Temburong.

Pengislaman tersebut telah di-lakukan oleh Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz Juned dengan di-saksikan bersama oleh ahli2 rombongan yang terdiri daripada Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan serta sekalian anak buah Ketua rumah panjang tersebut.

Awang Usup telah memilih Islam-nya sa-bagai Awang Md. Yusof bin Abdullah sementara isteri dan chuchu-nya masing2 memilih nama Da- yang Zaliha dan Md. Yunus bin Abdullah.

Rumah Panjang Kampong Sumbiling mempunyai 8 buah pintu dengan penghuni2-nya berjumlah lebeh 150 orang, termasuk kanak2. Ada-lah di-jangkakan ramai lagi yang akan mengikut di-belakang Ketua mereka itu memelok Ugama Islam yang maha suci.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. Mach, 1974 hingga ka-hari Selasa 19hb. Mach, 1974 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
13hb. Mach		12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
14hb. Mach		12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
15hb. Mach		12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
16hb. Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
17hb. Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
18hb. Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25
19hb. Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10 6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEL

(13hb. Mach, 1974)

INFLASI

ANGKAH2 untuk menyela-
 rasakan harga2 barang di-
 kedai telah diambil perhatian
 yang wajar oleh pejabat Keraja-
 an apabila pengurusan2 dan tau-
 kek2 kedai bersemita akan
 memberikan kerjasama mereka
 untuk meletakkan tanda2 harga
 di kedai2 terutama sa-kali di-
 Bandar Seri Begawan.

Hingga pada masa ini Pegawa-
 l2 dari Jabatan Lembaga
 Bandar di-Bandar Seri Begawan
 sentiasa mempastikan per-
 kembangan2 selanjut-nya ad-
 a-kah jauli2 mereka benar2 di-
 tetapi sepeleh-nya sa-bagai-
 mana yang pernah di-ekali an-
 tok menyahut apa jua seruan
 dari Kerajaan. Meskipun kita
 percaya kerja2 meletakkan
 tanda2 harga itu tidak dapat di-
 laksanakan dengan serta-merta
 tetapi sekurang-nya menjelang
 minggu berikut-nya kita akan
 nampak semua jenis barangan ke-
 perluan akan "pupus" dengan
 tanda2 harga.

Dalam hal seperti ini orang
 ramai akan tahu dan mereka
 akan dapat membuat penilaian
 sendiri antara tempat2 yang
 mahal dan tempat2 yang paling
 murah. Dengan cara itu juga
 bukan saja dapat menurunkan
 kadar kesematan dari mer-
 chari kesentongan yang di-tim-
 bulkan oleh inflasi sekarang
 tetapi juga menyakinkan pan-
 dangan orang ramai atas keju-
 juran mereka terhadap Kerajaan
 dan taat setia-nya kepada
 negeri ini.

Meskipun telah di-ketahui
 umum bahawa keadaan inflasi
 bukan saja di-alami di-Brunei
 bahkan telah di-alami oleh
 semua negeri di-seuruh dunia,
 tetapi bukan-lah bermasa ke-
 sadan ini di-jadikan satu ke-
 sempitan yang harus di-pergu-
 mankan sa-chara luas di-Brunei
 sa-hingga menjadikan satu re-
 kaman yang amat menyedihkan.

Langkah pertama ini meru-
 pakan satu ujian kepada me-
 reka untuk meninjau atau
 mengukur sa-jauh mana peng-
 hargaan mereka terhadap se-
 rang2 atau nasihat2 yang per-
 lah beberapa kali di-sampal-
 kan dengan harapan tindakan2
 tidak akan di-sambil dengan ter-
 buru2 sa-lagi mereka berminat
 untuk memberikan kerjasama
 sa-chara jujur dan ikhlas.

Di-samping perasaan keju-
 juran, maka kita akan sama2
 berhidup, sama2 menikmati be-
 nian dan sama2 bertanggung-
 jawab. Tetapi sa-balek-nya ka-
 lah slogan kejujuran di-per-
 gunakan sa-bagai alat yang ber-
 tujuan untuk mengabai ma-
 ini akan terasa sa-bagai orang2
 yang hidup hanya tahu memen-
 tingkan diri sendiri. Di-harap
 perasaan demikian tidak akan
 ajid, apa yang kita perlukan
 sekarang ialah kerjasama dan
 tahu menghargai perasaan
 orang lain demi untuk kebaikan
 semua agar keadaan yang ada
 seperti ini sama2 dapat di-susi-
 di-samping kita akan terus ber-
 usaha mencari jalan yang ser-
 purna untuk mengubah keadaan
 kita sendiri.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan rombongan berangkat meninggalkan Rumah Panjang Sapong Besar sa-telah melawat kampung tersebut.



Gambar atas kiri: Duli Yang Maha Mulia sedang mendengar sembah ucapan dari penduduk2 Kampung Bukit yang di-bachakan oleh Awang Riab bin Hidup (berdiri di-kiri sekali).

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika melawat ka-
 Sekolah Melayu Ukong (gambar
 atas kanan).

Duli Yang Maha Mulia dan
 rombongan sedang menyaksikan
 kuantan yang di-persembahkan oleh
 penghuni2 Rumah Panjang Sa-
 pon Besar.



Tiga keping gambar di-sebelah
 kanan ini menunjukkan Duli Yang
 Maha Mulia menerima penghenda-
 rama yang di-persembahkan oleh
 penduduk2 kampung sa-sagai fan-
 da kenangan atas keberangkatan
 Baginda itu.

GAMBAR KANAN: Duli Yang
 Maha Mulia menerima sa-baji
 sulang tembaga persembahan pen-
 dudok2 Kampung Rambai yang
 di-sampaikan oleh Pengulu Mu-
 kin Dato Korria Diraji Gadong
 bin Orang Kaya Bandar Among.

GAMBAR TENGAH: Duli Yang
 Maha Mulia menerima per-
 bahan dari penduduk2 Kam-
 pung Bukit yang bernama sa-saji gong
 yang di-sampaikan oleh Awang
 Sada bin Gagot.

GAMBAR BAWAH: Awang
 Sitang bin Gabong dan Dayang
 Tanggan binte Lamar dari Kam-
 pung Bukit menyambungkan sa-
 biji ganesa tembaga kepada Duli
 Yang Maha Mulia sa-bagai per-
 sembah persembahan dari me-
 reka berdua.

SEKITAR LAWATAN D.Y.M.M. KA-ULU TUTONG



Barisan penduduk2 Kampung Rambai yang telah mengulangi keberangkatan Baginda ke-kampung tersebut. Di-kiri sekali sedang memerhati ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaifar (gambar atas kanan).

Duli Yang Maha Mulia menanda-tangani buku pe-
 lawat Sekolah Melayu Ukong sambil di-perhatikan
 oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana
 Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Muda Moham-
 mad Bolkiah, Pegawai Daerah Tutong dan Guru Be-
 sar sekolah tersebut, Che'ga Untong bin Abd. Ra-
 man (gambar tengah).

Sekolah Melayu Ukong yang telah di-lawati Duli
 Yang Maha Mulia dan rombongan (kanan).

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 2/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yong Tin @ Yong Min, Lot No. 3503, Kampong Perpindahan, Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lee Say Moi yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ipar sepupu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Kuasa Belait pada 16 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-

lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 47/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh 1. Jong Luik Moi; 2. Chong Choon Khiong, No. 62, Jalan Bunga Kenanga, Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Chong See Kee @ Chong Shee Kee yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri dan anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 53/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Hasnah binte Abdul-lah @ Jamiah binte Laman, Bar-lack No. 210A, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punya oleh Ali bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 3/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Ghani bin O.K. Mohd. Safar (Abdul Hadi), d/a. Kg.

Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh OKSN. Mohd. Safar bin Mohd. Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Mekah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 4/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Norsinah bte Othman, d/a. Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Maliah bte Burut yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 5/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abu Bakar bin Yakob, d/a. Kampong Panchor Dulit, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yakob bin Dullah @ Akop bin Dollah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

daki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 6/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Umar bin Ahai d/a. Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahai bin Ahmad @ Ta'ai yang telah meninggal dunia di-dalam Mekah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Mach, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 7/174.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Salleh bin Matassan, d/a. Kg. Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Kanjin bte Saraail @ Tanjin yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Mach, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Mach, 1974.

**AWG, HAJI MOHD ALI BIN
HAJI MOHD. DAUD,
Tim Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.**

Menyelaras sistem pelajaran

(Dari muka 2)

Pada asas-nya badan ini dibentuk ia-lah bertujuan untuk memperkokoh dan menyelaras sistem pelajaran yang ada sekarang supaya ia-nya sejajar dengan kehendak2 dan tujuan negara yang melengkapkan semua raayat berilmu pengetahuan.

Bagi penyelarasan di-bahagian ini semua pegawai2 projek bahasa Inggeris, Sains dan Ilmu Hisab Moden dan kakitangan yang dulu-nya dalam kelolaan Nadzir Negara Sekolah2 sekarang telah di-pindahkan kepada bahagian Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran.

Pegawai2 yang terlibat dalam bahagian ini ia-lah Awg. M.T. Walliamson yang menjalankan projek bahasa Inggeris, Awang MacDonald yang menjalankan projek Ilmu Hisab Moden dan Awang Douglas Rawlins yang menjalankan projek sains.

Ketiga2 projek ini telah berjalan serentak tahun lalu untuk memberi latehan2 asas kepada guru2 di-mana hasil dari projek2 itu di-perchayai mendapat kejayaan yang menggalakkan.

Menuju ka-arrah churak perubahan dan pembaharuan ini, Ibu Pejabat Pelajaran di-Bandar Seri Begawan mencherminkan jentera penggerak semua aktiviti pendidekan. Dari sa-buah pejabat yang bersifat sementara yang di-bina dalam tahun 1962, pejabat itu kini merupakan sa-buah Jabatan yang sesak dan sentiasa sibok untuk mentadbirkan 104 buah sekolah2 rendah, Melayu dan beberapa buah lagi sekolah2 menengah dan maktab2 yang mempunyai 2,337 orang guru dan sa-ramai 44,302 orang murid di-seluruh negara.

BATTALION KEDUA AKAN DI-TUBOHHKAN

BERKHIDMAT-LAH DENGAN
PASOKAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
PASOKAN PERTAHANAN NEGARA KITA YANG
SEDANG BERKEMBANG

Hubongi-lah Pasokan Pengambilan orang2 baharu apabila mereka melawat ka-Daerah Awang! Latehan rekrut akan bermula pada 8hb April 1974.

JAWATAN² KOSONG

SA-BAGAI KETUA PENYUNTING DI-D.B.P.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Ketua Penyunting di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Prunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat kelulusan principal dalam Bahasa Melayu dan lulus Kertas 'Am', atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman menyunting buku dan majalah sekurang2-nya sa-lama 5 tahun; atau
- Mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge/Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman menyunting buku dan majalah sekurang2-nya sa-lama 10 tahun; atau
- Mempunyai pengalaman menyunting buku dan majalah sekurang2-nya sa-lama 15 tahun dan pada masa ini sedang menjalankan kerja tersebut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB.4 — BS1000x30-1120 / EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Mengeratkan hubungan

(Dari muka 3)

Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa, Awang Tan Han Boon ketika mengalu2kan kedatangan rombongan itu telah melahirkan rasa bangga-nya atas lawatan penuntut2 dari Sekolah Menengah Arab ka-sekolah mereka.

Awang Tan Han Boon menerangkan kepada rombongan itu bahawa Sekolah Menengah Chung Hwa mempunyai murid2 sa-ramai 2,145 orang dengan mempunyai 72 orang guru dan 52 kelas.

Kata-nya, menurut peratoran sekolah itu, penuntut2 ada-lah dikehendaki mengikut peratoran dan undang2 negeri serta menamakan perasaan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Awang Mokti bin Mohamed Daud bagi pehak rombongan telah mengucapkan terima kasih kepada pengetua sekolah itu atas layanan mereka yang baik.

Awang Mokti menerangkan lawatan mereka ka-sekolah itu, ialah bertujuan bagi mengeratkan lagi perhubungan antara kedua2 buah sekolah China dan Arab demi menuju kepada satu maharakat yang bersatu padu, aman dan makmor serta bersafahaman tanpa mengira rupa bangsa.

Rombongan itu kemudian-nya telah di-bawa melawat ka-bilik2 darjah dan kegiatan yang terdapat di-sekolah itu.

Penuntut2 dari kedua2 buah sekolah itu juga telah mengadakan pertunjukan persembahan seni budaya yang berchorak keBruneian dan budaya orang2 keturunan Tiong Hwa.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12 1/2% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak

akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan yang di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Mei, 1974.

Sa-bagai Pemereksa Tanaman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemereksa Tanaman di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalon2 hendak-lah sebaik2-nya berumur antara 20 hingga 30 tahun. Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat kepujian (credit) dalam Sains 'Am atau mempunyai kelayakan yang sa-banding.
- Mesti-lah tahu menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.
- Mesti-lah sanggup untuk bertugas di-mana2 tempat di-dalam negeri.

Tugas2:

Sa-telah di-beri lathakan permulaan chalon2 yang di-lantek akan mempunyai tanggung-jawab untuk

mengesan, memereksa dan merawat semua tumbuhan, bahan2 tanaman dan biji2an yang akan dibawa masuk di-pelabohan2 dan lapangan-terbang di-dalam Negeri Brunei menurut arahan Ahli Kajipenyakit Tumboha2an. Lain2 tugas ada-lah menurut sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Ahli Kajipenyakit Tumboha2an. Chalon2 yang di-lantek ka-perjawatan tetap mungkin di-kehendaki menjalani lathakan lanjut di-Brunei atau di-seberang laut.

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3 — \$230x10-290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb. April, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- KHATIB** (1 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. (1 jawatan) — Bagi Mesjid Pekan Seria.
- BILAL** (1 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. (1 jawatan) — Bagi Mesjid Pekan Seria.
- MERBUT** (1 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. (1 jawatan) — Bagi Mesjid Pekan Seria.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacah Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kenayah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan ada-lah seperti berikut:-

Jawatan KHATIB — U.3 — \$240x10-390-410x10-460.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah me-

Sa-bagai Pembantu Makmal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Makmal di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalon2 (lelaki atau perempuan) hendak-lah mempunyai, sebaik2-nya, Sijil Tinggi Persekolahan Cambridge termasuk-lah kelulusan dalam Ilmu Hisab, Fizik dan Kimia. Pertimbangan akan juga di-beri kepada chalon2 yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat Kepujian dalam Ilmu Hisab, Fizik dan Kimia.
- Mesti-lah boleh bertutor dan menulis bahasa Melayu dan Inggeris.

Jenis Tugas2:

Sa-telah menjalani lathakan sengkat, di-kehendaki membuat kerja2 analisa tanah dan bahan2 tumbuh-

Pembuat Roti

ADA beberapa kekosongan sa-bagai Membuat Roti dan Menjual Roti di-Kedai Sharikat Roti Islamic, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

Orang2 tempatan yang ingin memohon kerja2 itu hendak-lah datang ka-Pejabat Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 18hb. Mach, 1974.

Pembuat Roti (baker) — 4 kekosongan.

Pemohon2 mesti-lah pernah kerja sa-bagai Pembuat Roti sekurang2-nya 2 hingga 3 tahun. Pemohon2 hendak-lah berkemahuan untuk bekerja, serta ada minat menjalankan kerja2 membuat roti. Tempat tinggal dan kenderaan tidak di-sediakan.

Gaji:

Antara \$200.00 hingga \$350.00 sa-bulan.

Penjual Roti atau Penjaja (Vendor) — 6 kekosongan.

Pemohon2 untuk kerja ini mesti-lah boleh menunggang basikal, pernah berjual roti di-kampung2 atau di-mana tempat yakni dengan sa-chara berjaya.

Hendak-lah jujur amanah serta lebeh2 lagi tidak malu berjual di-kampung2 dan kawasan2 perumahan.

Gaji:

\$180.00 hingga \$280.00 sa-bulan.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

nyertakan bersama2 permohonan satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb. April, 1974.

an serta lain2 kerja analisa yang perlu di-Makmal Tanah Jabatan Pertanian, yang pada masa ini terletak di-Kilanas, di-bawah arahan Pakar Tanah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-hantar bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb. April, 1974.

Peruntukkan besar bagi perkembangan pelajaran

(Dari muka 1)

setia pada mengekalkan kehidupan ke-Brunei yang sebenarnya sebagai sa-buah negara yang bertamadun, beriman serta yang sentiasa chintakan kemakmoran, keselamatan, kesejahteraan dan tumpuan ketaatan kepada Raja yang telah di-turun kemurungan di-negeri ini.

Yang Amat Mulia bersabda, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melaui peruntukkan tahunan-nya biasa menitek-beratkan aspek2 pelajaran yang mana salah satu daripada perbelanjaan yang terbesar bagi Kerajaan mengenai perkembangan pelajaran.

"Dengan itu rayat dan penduduk2 negeri ini harus bersukor pada a menikmati kemudahan2 yang jarang terdapat seperti yang ada di-negeri ini dan mengamalkan-nya sa-bagai yang di-maksudkan demi kepentingan negara Brunei Darussalam yang terchinta", tegas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia bersabda, majlis penyampaian siji2 itu memboktikan satu hasil usaha Kerajaan dalam bidang kemajuan pelajaran dan guru2 terlatih yang mendapat kejayaan merupakan satu perkara yang nyata atas usaha2 yang berkebjajikan itu.

Dengan perasaan gembira Yang Amat Mulia menyampaikan ucapan tahniah yang setinggi2-nya kepada penerima2 siji pada hari itu dan ucapan penghargaan kepada semua kaki-tangan Jabatan Pelajaran.

Terdahulu sa-belum itu, Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah, Awang Norman H. Walker dalam ucapan-nya antara lain telah menekankan kepada penuntut2 yang menerima siji pada hari itu bahawa tamat-nyz pengajian bukanlah berarti tamat-nya masa belajar bagi sa-orang guru tetapi ia-nya merupakan permulaan bagi satu usaha2 baru.

Tugas guru, kata-nya ia-lah membantu usaha bagi memelihara rayat yang ta'at dan berfikiran waras. Pengaruh yang paling penting dalam kehidupan anak2 ia-lah guru2 sa-lain dari ibu bapa.

Beliau berkata guru2 dapat memainkan peranan pada menentukan bentuk rayat negeri ini pada masa akan datang dan kerana itu chorak sa-orang guru sangat mustahak terhadap masa depan negara.

Upacara itu telah di-serikan dengan iringan lagu2 yang dimainkan oleh pancharagam Askar Me'ayu Diraja Brunei.

Majlis tersebut di-akhir dengan bacaan do'a selamat yang di-bacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Mohd. Yusof bin Abd. Latif.

PERKHIDMATAN DI-TANGGOHKAN

KUALA BELAIT. — Perkhidmatan kenderaan Pos Bergerak di-Daerah Belait telah di-tanggohkan buat sementara waktu.

Ketua Pos Agong, Awang Haji Ali Khan menerangkan bahawa perkhidmatan pos bergerak yang menjual setem2, menerima surat2 biasa dan menerima surat2 berdaftar itu telah tergendala sejak minggu lalu dan tidak dapat menjalankan perkhidmatan seperti biasa.

TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Utama Peter Gautrey yang juga selaku Yang Di-Pertua Persatuan Palang Merah Brunei telah menyampaikan siji2 keanggotaan kepada ahli2 baru Persatuan Palang Merah British Chawangan Brunei Bahagian Seria-Belait.

Upacara Penyampaian siji itu telah di-adakan di-Dewan Sekolah Ingeris Perdana Wazir Kuala Belait pada hari Jumaat lepas.

Tuan Yang Terutama juga telah menyampaikan Pingat Perkhidmatan Lama kepada Dr. T. Panch (gambar kanan).

Keberangkatan Baginda di-sambut dgn meriah

(Dari muka 1)

Kampung yang pertama di-lawati Baginda dan rombongan ia-iah Kampung Ukong yang mana keberangkatan Baginda ka-kampung itu telah di-alu2kan oleh Penghulu Kuda bin Kamar dan anak2 buah kampung tersebut.

Sa-telah berada di-kampung itu kira2 15 minit, Baginda dan rombongan berangkat ka-Kampung Rambai dengan menaiki helikopter. Keberangkatan Baginda telah di-alu2kan oleh

Penghulu Mukim Dato Korna Diraja Gadong bin Orang Kaya Bandar Among yang juga telah menyembahkan chenderamata kenangan yang berupa sa-biji sulang tembaga.

Dari Kampung Rambai, Duli Yang Maha Mulia menaiki helikopter sekali lagi untuk berangkat ka-Kampung Bukit. Di-sana Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Ketua Kampung Awang Sada bin Gagot dan anak2 buah-nya.

Sa-belum berangkat ka-Balai Raya Kampung Bukit, Duli Yang Maha Mulia telah melawat ka-Sekolah Melayu di-kampung tersebut.

Di-Balai Raya, Duli Yang Maha Mulia telah mendengar sembah ucapan dari penduduk2 Kampung Bukit yang di-sampaikan oleh Awang Riah bin Hidup.

Dalam sembah ucapan itu, penduduk2 kampung tersebut merasa amat sukachita kerana keberangkatan Baginda berchemar duli ka-kampung mereka dan mereka juga merasa bertuah serta bangga kerana Baginda sangat2 mengambil berat terhadap hal ehwal rayat Baginda.

Penduduk2 kampung itu juga telah berikrar menumpukan ta'at setia mereka kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda demi mempertahankan kedaulatan negara Brunei Darussalam.

Penduduk2 kampung itu juga telah menyembahkan sa-biji gong dan gangsa tembaga kepada Duli



Yang Maha Mulia sa-bagai kenangan atas lawatan Baginda ka-kampung tersebut.

Dari Kampung Bukit, Baginda dan rombongan berangkat ka-Kampung Bedawan. Di-Kampung Bedawan Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Awang Ayek Anak Tinggi dan anak2 buah-nya.

Dari Kampung Bedawan, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat berjalan kaki melalui bukit bukau ka-Kampung Supon Besar ia-itu kampung yang terakhir yang di-lawati Baginda.

Keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-Rumah Panjang Supon Besar telah di-sambut oleh Tuai Rumah, Awang Belikau anak Ugak dan penghuni rumah panjang tersebut.

Sa-masa berada di-Rumah Panjang itu, Baginda telah menyaksikan persembahan ngajat dan kuntau yang di-sembahkan oleh penghuni rumah panjang itu.

Penduduk2 di-kampung tersebut juga telah menyembahkan satu chenderamata yang berupa tandok rusa kepada Duli Yang Maha Mulia.

(Gambar2 di-sepanjang lawatan Duli Yang Maha Mulia ka-kampung2 tersebut di-siarkan di-muka tengah).

Tanda2 harga: Pekedai2 beri k-sama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengurus2 dan taukeh2 kedai di-Bandar Seri Begawan telah bersetuju meletakkan tanda2 harga ka-atas semua barang2 jualan sa-bagai menyahut seruan kerajaan yang meminta kerjasama mereka berbuat demikian.

Persetujuan itu telah di-chapai dalam satu perjumpaan khas antara pengurus2 dan taukeh2 kedai dengan Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, dan di-hadiri oleh wakil Yunit Peranchang Ekonomi di-Bandar Seri Begawan minggu lalu.

Pada masa ini seruan kerajaan yang meminta kerjasama mereka bagi meletakkan tanda2 harga telah di-laksanakan oleh pekedai2 di-Bandar Seri Begawan.

Dengan berbuat demikian, orang ramai tidak akan merasa ragu2 terhadap harga barang2 yang dijual di-senua kedai2, meski pun keadaan inflasi telah di-ketahui umum dan pekedai2 di-harapkan supaya tidak akan mencari keuntungan berlebaran dari keadaan tekanan inflasi itu.

Sementara itu, pegawai2 dari Pejabat Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan sentiasa mengikuti perkembangan2 terbaharu sama ada tanda2 harga itu sentiasa di-patohi.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin sedang menyampaian siji kepada Awang Masri bin Awang Mohammad.